

29 AUG 1998

KRUGMAN-MAHATHIR/I

DR MAHATHIR BETUL, KATA PAKAR EKONOMI TERKEMUKA

SINGAPURA, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad betul apabila beliau menyalahkan peniaga-peniaga pasaran modal menyebabkan krisis kewangan, kata Dr Paul Krugman, profesor ekonomi di Institut Teknologi Massachusetts.

Bagaimanapun, beliau memberitahu akhbar Business Times Singapura dalam satu temuramah yang diterbitkan di sini hari ini bahawa kenyataan itu akan lebih berkesan jika Dr Mahathir menyatakannya dengan lebih senyap.

"Atau, jika ia dibuat oleh orang lain," kata Dr Krugman, pakar ekonomi pertama yang menyatakan kesangsiannya terhadap teori Keajaiban Asia.

Satu daripada tragedi-tragedi krisis ini, katanya, adalah beberapa kritikan yang betul bahawa sejumlah orang kehilangan kerana mereka diselubungi oleh retorik yang tidak berkaitan.

Dr Krugman berkata ia tidak sepatutnya dijadikan isu politik dan tidak ada orang yang bersekongkol untuk memusnahkan Asia kerana mereka irihati.

"Tetapi kita mempunyai dunia yang dilihat mudah terdedah kepada kegiatan spekulatif yang amat merosakkan, dan dalam beberapa kes, mungkin ada pakatan walaupun semua petunjuk tidak terhadap Malaysia, tetapi mungkin kini terhadap Hong Kong," katanya.

Dr Krugman baru-baru ini berkata program-program pemulihan IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa) telah gagal dan menyeru pengawalan matawang asing untuk membawa Asia balik ke landasan yang betul.

Apabila ditanya oleh Business Times samada masanya sudah terlewat untuk mengenakan kawalan matawang sekarang apabila banyak modal telahpun hilang, beliau berkata tidak semua modal telah hilang.

"Masih ada pembayaran balik tetapi hutang luar masih merupakan beban besar," katanya.

"Maksudnya, kini awak mahu mengikuti pakej rangsangan konvensional. Awak mahu negara-negara Asia memberi reaksi kepada kemeseletan mereka, seolah-olah mereka adalah Amerika Syarikat (AS)."

Beliau berkata pada masa AS mengalami kemelesetan pada 1982, ia tidak bimbang mengenai defisit belanjawan dan ia memotong kadar faedah.

Dr Krugman berkata negara-negara Asia tidak mampu berbuat begitu kerana bimbang jika mereka mencubanya, matawang-matawang mereka akan jatuh merudum dan usaha pemulihan akan menghentam mereka balik.

Beliau berkata negara-negara Asia memerlukan dasar-dasar pengembangan dan beliau tidak lihat bagaimana ia boleh dibuat jika mereka juga perlu memuaskankan hati pasaran kewangan antarabangsa. -- BERNAMA

THG JR